


GAYA HIDUP KELUARGA MODEN

KHAMIS 21.08.14  
PUSAT UTUSAN MALAYSIA

# mode



## Rumah baharu Anuar

Jalani hidup lebih selesa dan selamat

**S**ESIAPA pun menginginkan kediaman yang sempurna, sekali pun bukan mewah memadai tidak ada bumbung yang bocor, lantai yang berlubang atau dinding yang merekah. Bukan sekadar untuk jadi tempat berteduh dan berlindung daripada panas serta hujan, malah lebih penting selesa serta selamat untuk penghuninya.

Lebih mendesak apabila penghuninya turut terdiri daripada anak-anak kecil yang memerlukan persekitaran sesuai untuk membesar dan bagi mengukir pelbagai kenangan manis dalam rumah tersebut untuk dikenang sampai ke usia tua nanti.

>> BERSAMBUNG DI MUKA 6



JUSTERU, cukup memahami keterujaan yang dirasai oleh pasangan **Anuar Asip**, 36, dan isterinya, **Zarina Noramin**, 31, apabila mereka mendapat sebuah rumah baharu - umpama bulan jatuh ke riba yang sukar diungkap dengan kata-kata.

Pembinaan rumah baharu tersebut merupakan hasil kerjasama antara sukarelawan Pfizer Malaysia bersama pertubuhan Habitat for Humanity melalui program dikenali sebagai *Ekuiti Peluh Pfizer*.

Projek pembinaan rumah tersebut bermula pada awal tahun ini yang melibatkan seramai 26 kakitangan dari Pfizer untuk fasa pertama dan kedua.

Pasangan yang mempunyai seorang anak lelaki berusia tujuh tahun itu, merupakan sebahagian penduduk Orang Asli dari suku Mah Meri Kampung Tanjung Sepat, Kuala Langat, Selangor.

Rumah baharu yang dibina tersebut mempunyai dua bilik tidur dan tandas yang lebih selesa berbanding rumah mereka sebelum ini.

Ia juga dibina bersebelahan rumah lama mereka.

Sebelum ini, Anuar, yang bekerja sebagai pemandu lori di sebuah kilang tidak jauh dari kampungnya dengan pendapatan sebanyak RM1,500 sebulan, mengahuni rumah tanpa bilik yang boleh diibaratkan sebagai pondok beritukan keadaannya yang daif dan uzur.

Anuar berkata, rumah yang didiaminya sejak 12 tahun itu merupakan pusaka neneknya.

"Sejak kecil saya tinggal bersama nenek di rumah pusaka ini. Tidak banyak perubahan dilakukan pada rumah ini, malah hampir keseluruhan adalah struktur asal yang semakin mereput.

"Selepas nenek meninggal dia menyerahkan rumah tersebut kepada saya untuk didiami bersama anak dan isteri.

"Walaupun rumah yang kami tinggal sekarang kecil dan sudah mula runtuh dimamah anai-anai, banyak kenangan yang tidak mungkin luput dari ingatan. Segala susah senang kami harungi bersama-sama di rumah ini," katanya.

Ditanya perasaan mendapat rumah baharu, Anuar, mengakui anak tunggalnya itu antara yang paling gembira dan saban hari bertanya bila boleh berpindah.

"Saya langsung tidak pernah terfikir dapat tinggal di rumah baharu yang lebih selesa dan selamat untuk membesarkan anak.

"Apabila permohonan rumah dari *Habitat for Humanity* diterima dan kami layak mendapat bantuan tersebut, itulah perkara yang paling indah sepanjang hidup kami.

"Di rumah lama yang kami diami sekarang tidak mempunyai bekalan



Gambar: GHAZALI BASRI

**SEBAHAGIAN** daripada sukarelawan Pfizer Malaysia dan *Habitat for Humanity* yang bergotong-royong menyiapkan rumah Anuar.



**ANUAR Asip dan isterinya, Zarina Noramin** mengemas kain baju untuk berpindah ke rumah baharu mereka.

elektrik. Mujur ada rumah makcik berdekatan yang memberi kami pinjaman elektrik untuk waktu malam sahaja. Kami hanya perlu membayar separuh

sahaja," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah, Hal Ehwah Korporat, Kesihatan dan Kesejahteraan, Pfizer Malaysia, **Noor Yang Azwar Kamarudin** berkata, projek ini memberi pengalaman bermakna dalam kalangan warga Pfizer yang terlibat.

"Ia merupakan usaha keras berteraskan kasih sayang demi menyiapkan rumah dan menyediakan tempat tinggal yang lebih selesa kepada mereka.

"Projek ini yang merupakan projek membina keluarga ke empat Pfizer bersama dengan *Habitat for Humanity*.

"Istimewanya, kakitangan sendiri yang mengambil inisiatif untuk mengenal pasti dan memacu keinginan mereka di bawah program *Sharing With a*



**NOOR YANG AZWAR KAMARUDIN**



**SUSAN WONG**

*Touch (SWAT)*. Pihak pengurusan pula menyokong setiap pendekatan yang dicadangkan sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat," katanya.

Kata Noor Yang lagi, Pfizer Malaysia komited untuk mengiktiraf, mengekalkan dan mengembangkan bakat dengan menyediakan peluang kepada kakitangan untuk melibatkan diri serta menyumbang kepada masyarakat melalui projek tersebut.

Beliau berkata, projek *Ekuiti Peluh Pfizer* berada di bawah program SWAT, menyasarkan untuk menggalakkan kakitangan membina dan menjalankan program untuk membantu golongan kurang upaya.

"Pfizer memahami kepentingan program seperti ini yang sedikit sebanyak menyumbang ke arah kejayaan syarikat.

"Secara peribadi, saya sendiri pernah terlibat dengan pelbagai projek SWAT daripada meraikan Tahun Baharu Cina di rumah orang-orang tua sehingga kepada membantu individu kurang upaya menajana kemahiran untuk mendapatkan pendapatan.

"Ini merupakan pengalaman berbeza bagi setiap program yang saya sertai. Saya gembira Pfizer menggalakkan para pekerja untuk melibatkan diri dalam program sebegini," ujarnya.

Dalam pada itu, Pengurus Program Kebangsaan, *Habitat for Humanity* Malaysia, **Susan Wong** berkata, pihaknya berbesar hati dapat bekerjasama dengan Pfizer Malaysia yang bukan hanya melabur wang ringgit namun turut menyumbang masa, kemahiran dan semangat sukarelawan.

Bagi memastikan matlamat tersebut menjadi realiti, pihaknya sentiasa sedia bekerjasama dengan organisasi yang mempunyai matlamat yang sama bagi memastikan setiap projek berjaya dijalankan. - **SITI AISHAH YUSOFF**



**KEDIAMAN** usang ini menjadi tempat berlindung Anuar Asip dan keluarganya sejak 12 tahun lalu.